

m/s 8

Berpecah, berkumpul taktik pengemis cilik elak diekori



Kanak-kanak warga asing bersama asing bersama **meminta sedekah** sekitar Masjid India, Kuala Lumpur.
[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]



» Kelibat hilang sekelip mata sebaik mengecam penulis

Oleh Muhammad Mustakim Ramli dan Akmal A Manaf
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Berpecah dan berkumpul semula, itu taktik yang digunakan kumpulan pengemis kanak-kanak untuk mengelak diri mereka diperhatikan dan diekori.

Wartawan *BH* yang cuba menyedap 'perjalanan kehidupan' mereka mendapati, ahli kumpulan ini akan berpecah dan bergerak bersendirian sebelum bertemu semula di Bukit Bintang.

Sekitar jam 7 petang, iaitu waktu tamatnya sesi 'pekerjaan' mereka di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), penulis mengikuti pergerakan seorang kanak-kanak bersama penjanjannya.

Mereka berjalan kaki dari pekarangan kompleks beli-be-



Keratan akhbar muka depan BH semalam mengenai pengemis kanak-kanak warga asing.

lah Sogo menuju ke Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Bandaraya.

Selepas membeli tiket, mereka berdua dilihat duduk di dalam LRT berkenaan seolah-olah bersedia untuk keluar pada bila-bila masa. Ternyata jangkaan penulis benar, setiba di stesen Hang Tuah, mereka bergegas keluar dan menaiki monorel menuju ke stesen Bukit Bintang.

Larikan diri

Setiba di Bukit Bintang, kanak-kanak yang leka bermain telefon bimbit di sepanjang perjalanan dari Bandaraya ke Bukit Bintang itu terus menuju ke arah penulis untuk meminta sedekah tetapi sebaik memandang wajah penulis, dia melarikan diri kerana dipercayai sudah mengenali penulis.

Selepas berlari umpama 'lepas kudung' menuju ke arah penjaga yang menanti di satu sudut, mereka terus hilang dalam sekelip mata di tengah lautan manusia yang sedang berasak-asak di kawasan rumah kedai di bawah stesen kereta api Bukit Bintang.

Tanpa melangkah masa, penulis tekad untuk mencari pengemis itu walaupun ketika itu hujan lebat.

Ternyata mereka sangat licik, dalam keadaan hujan lebat serta orang ramai memenuhi segenap ruang kaki lima untuk berteduh, kelibat pengemis terbabit langsung tidak kelihatan.

Akhirnya penulis mengambil keputusan menuju ke Stesen Bukit Bintang dengan harapan menemui semula mereka. Bagaimanapun berdasarkan jawapan yang di-

berikan pengawal keselamatan di stesen itu, pengemis terbabit sudah membeli tiket setengah jam lalu, dipercayai menuju ke stesen Ampang.

Sementara itu, rakan penulis yang mengekori seorang lagi kanak-kanak mendapati pengemis cilik berkenaan menuju ke perhentian teksi di depan CIMB Bank Jalan Esfahan untuk mengambil teksi.

Penulis mengandaikan kanak-kanak itu pulang awal disebabkan hujan, bagaimanapun sangkaan penulis meleset apabila dia ditemui semula mengemis bersama rakan di Bukit Bintang.

Kebanyakan pengemis yang ditahan tidak serik mengemis kerana itu jalan mudah untuk mereka mendapat rezeki harian. Ikuti laporan siri keempat, dalam *BH*, esok.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my untuk lebih gambar dan video.